

TERMA DAN SYARAT
PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN

Sila baca kelayakan dan peringatan di bawah sebelum mengisi borang

A. Kelayakan Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Pelajar layak memohon pembiayaan pendidikan sekiranya memenuhi kelayakan berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
3. Mendapat tawaran ke IPTA/IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
4. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Kementerian Pengajian Tinggi;
5. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan;
6. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (4) dan (5), pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan;
7. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun;
8. Tiada penaja lain; dan
9. Mempunyai akaun SSPN-*i* sebelum membuat permohonan.

B. Dokumen Sokongan

Setiap permohonan mestilah dilampirkan bersama **SATU (1) SALINAN** dokumen sokongan seperti berikut:

1. **Maklumat Permohonan Pembiayaan** yang boleh dicetak di butang CETAK MAKLUMAT di dalam Portal Rasmi PTPTN, Permohonan *Online* yang telah didaftarkan sebelum ini.
2. **Salinan Kad Pengenalan Penerima Biaya**. Salinan fotokopi muka hadapan dan belakang kad pengenalan tersebut perlu dilakukan pada muka surat yang sama.
3. **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/SPMV)**. Slip transkrip keputusan peperiksaan SPM/SPMV hanya sah untuk digunakan sekiranya tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil.
4. **Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT**. Surat tawaran yang diperolehi melalui cetakan internet /portal IPT.
5. **Salinan Buku Akaun** (muka surat yang tercatat nombor akaun)/**Slip Deposit Bank/Pengesahan Nombor Akaun** persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT. Dokumen ini hanya perlu disediakan sekiranya berlaku kesilapan nombor akaun pada Dokumen Perjanjian Penerima Biaya.
6. **Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain**. Contoh: STPM/Diploma/Matrikulasi/Ijazah/Sarjana.
7. Salinan Slip Gaji/Borang Cukai Pendapatan (Individu)/Kad Pesara/ Penyata Pencen/Surat Pengesahan Pendapatan/Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PENJAGA PERTAMA (1)**.
8. Salinan Slip Gaji/Borang Cukai Pendapatan (Individu)/Kad Pesara/ Penyata Pencen/Surat Pengesahan Pendapatan/Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PENJAGA KEDUA (2)**.
9. Salinan Slip Gaji/Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Surat Pengesahan Pendapatan – **PENERIMA BIAYA**. (Sekiranya penerima biaya masih bekerja).
10. Salinan Slip Gaji/Borang Cukai Pendapatan (Individu)/Surat Pengesahan Pendapatan/Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PASANGAN PENERIMA BIAYA**. (Sekiranya penerima biaya telah berkahwin).
11. Surat Pengesahan/Surat Akaun daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/Pusat Zakat sekiranya penerima bantuan bulanan dari Agensi berkenaan – **PENERIMA BIAYA/IBU BAPA KANDUNG/ PENJAGA**.
12. Surat Pengesahan Pengalaman Kerja daripada Majikan. (Bagi Penerima Biaya yang menggunakan pengalaman kerja sebagai salah satu syarat kelayakan masuk).

Bagi pelajar yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas, tambahan dokumen sokongan berikut diperlukan:

1. Surat Pengesahan masih belajar dari IPT; dan
2. Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya

(Setiap dokumen sokongan hendaklah difotostat dengan menggunakan kertas bersaiz A4)